

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN NO. 183

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah signifikasi cadangan supaya Jabatan Tenaga Manusia (JTM) membuka pusat latihan kemahiran di institusi TVET dari jam 5.30 petang hingga 11.00 dan bukan pada waktu kerja biasa dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menerusi 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia menawarkan pelbagai kursus jangka panjang berteraskan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang selari dengan kehendak pasaran pekerjaan sekarang.
2. Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berpeluang untuk mengikuti pelbagai kursus kemahiran meliputi bidang Mekanikal, Elektrikal, Sivil, Automotif dan Teknologi Maklumat yang ditawarkan di ILJTM bermula daripada peringkat Sijil hingga ke Diploma Lanjutan. Pelajar yang mengikuti kursus jangka panjang di ILJTM menjalani latihan bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 pada setiap hari waktu bekerja.
3. Selain kursus jangka panjang, JTM turut melaksanakan kursus jangka pendek yang berkonsepkan modular atau *customized*, dan ianya adalah terbuka kepada pekerja industri sedia ada dan individu yang sedang mencari pekerjaan yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran ataupun mempelajari kemahiran-kemahiran baru sebagai persiapan memasuki pasaran pekerjaan mahupun meningkatkan produktiviti kerja
4. Kursus jangka pendek ini dilaksanakan sepanjang tahun berdasarkan permintaan daripada peserta, khususnya para pekerja industri. Kursus jangka pendek ini adalah fleksibel dan peserta boleh berbincang dengan ILJTM berkaitan keperluan mereka dari segi kandungan kursus dan waktu kursus yang hendak dijalankan.
5. Secara umumnya, kursus jangka pendek ini akan dilaksanakan sama ada pada hari bekerja atau hari bercuti, dan ia bermula pada

SOALAN NO: 183

jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Walaubagaimanapun, terdapat juga kursus-kursus yang dijalankan pada waktu malam berdasarkan permintaan daripada kumpulan peserta memandangkan mereka tidak dapat menyertainya pada waktu bekerja biasa disebabkan halangan-halangan tertentu.

6. Seajar dengan hasrat JTM untuk melatih sebanyak mungkin pekerja bagi mencapai sasaran negara untuk mempunyai 35% pekerja mahir menjelang tahun 2020, setiap permintaan daripada majikan dan pekerja dipertimbangkan sewajarnya berdasarkan sumber-sumber sedia ada. JTM tidak membataskan waktu operasinya pada waktu bekerja biasa sahaja bagi memenuhi permintaan peserta yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran

7. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia pada 7 April 2019 semasa ucapan beliau di Japan Malaysia Technical Institute (JMTI) telah mengumumkan bahawa waktu operasi ILJTM akan dilanjutkan sehingga 11.00 malam bagi memenuhi permintaan majikan dan pekerja yang berhasrat menyertai kursus jangka pendek di ILJTM. Waktu operasi ILJTM yang fleksibel adalah amat penting bagi menarik minat dan memberi peluang kepada mereka yang bekerja untuk meningkatkan kemahiran, dan sekali gus ia dapat mengisi kekurangan pekerja berkemahiran dalam bidang teknikal.